

14 AUG 1990

Usah salahkan Arab Saudi

KUALA TERENGGANU, Isnin — Umat Islam termasuk di negara ini, tidak harus menyalahkan kerajaan Arab Saudi kerana mendapatkan bantuan ketenteraan Amerika Syarikat dalam menghadapi ancaman Iraq baru-baru ini, kata **Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad**.

Perdana Menteri sebaliknya berkata, mereka harus memahami kedudukan Arab Saudi sebelum membuat sebarang tuduhan itu sedangkan negara-negara Islam lain tidak mampu membantu Arab Saudi.

"Amat mudah untuk menuduh Arab Saudi. Tetapi jika terdesak dan negara hendak ditawan, apakah kita boleh memilih siapa yang mahu menolong

kita," katanya ketika berucap di majlis penyarungan selendang 'Wira Dunia Ketiga' di Stadium Negeri di sini hari ini.

Majlis penyerahan dilakukan oleh Menteri Besar, Tan Sri Haji Wan Mokhtar Ahmad. Selain selendang, al-Quran dan keris panjang diserahkan kepada Datuk Seri Dr Mahathir.

Beberapa pemimpin parti komponen Barisan Nasional seperti Datuk Seri Samy Vellu, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik hadir di majlis itu.

Perdana Menteri berkata, sesiapa pun boleh mengkritik langkah Arab Saudi menerima bantuan dari Amerika Syarikat,

sebuah negara kafir.

"Tetapi dalam keadaan terdesak dan tiada siapa membantu, apa pilihan yang ada pada Arab Saudi? Dalam keadaan itu, walaupun kita tidak suka, Arab Saudi terpaksa dipertahankan oleh Amerika Syarikat," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata: "Sebagai orang Islam, adakah kita rela negara ditakluk oleh negara Islam lain. Sudah pasti tidak kerana kita sudah merdeka.

"Kita sendiri akan mencari kawan yang dapat mempertahankan kita, jika diserang oleh musuh," katanya.

Mengenai penganugerahan Wira Dunia Ketiga itu, Perdana

Menteri berkata, gelaran berkenaan sebenarnya untuk negara dan bukan untuk dirinya seseorang orang. Ia diberi sebagai menghormati Malaysia atas kejayaan dalam beberapa bidang termasuk membantu dunia ketiga.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kesediaan Malaysia membantu negara miskin lain supaya negara mempunyai rakan serta agar rakyat menyedari bahawa Malaysia dahulu pun sebuah negara miskin.

"Justeru itu, apabila negara agak maju, kita tidak lupa rakan lama yang mungkin berguna membantu kita suatu hari nanti," katanya.